

helokampus

UTUSAN MALAYSIA ISNIN 11 OGOS 2014



Pameran sihat komuniti

Muka 24

Lahir pakar automotif

Akademi Saga lahirkan graduan yang berjaya sejauh dengan arus perkembangan teknologi industri automotif negara

GRADUAN pusat kecemerlangan pendidikan dan latihan automotif Akademi Saga mempunyai rancangan mencipta kerjaya sondiri sebagai pakar automotif dan usahawan berjaya meskipun mereka menjadi buruan sektor industri.

Pengerntuan Rudy Shahroman Baharum berkata, graduananya kini boleh membina cita-cita besar bukan sekadar menjadi seorang pekerja sahaja tetapi menjadi seorang usahawan yang berdaya maju.

Katanya sejak pembentuhannya, akademi ini telah berjaya merealisasikan hasrat Kumpulan DRB-Hicom untuk melahirkan lebih ramai tenaga profesional



RUDY SHAHROMAN
BAHARUM

dalam bidang automotif yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara bagi meralikisasikan Wawasan 2020 iaitu detik ketika Malaysia menjadi sebuah negara maju.

"Akademi yang telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ini telah berjaya melahirkan tenaga sumber manusia berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan yang mampu menyumbang dalam pengembangan industri automotif dan ekonomi negara."

"Peranannya semakin gaya kerana banyak graduananya kini berada di pasaran industri meskipun graduan berkenaan mempunyai dedikasi baik di samping

menjadi usahawan berjaya," katanya.

Rudy Shahroman berkata, pernubahan akademi di bawah pengurusan Hicom University College Sdn. Bhd. menjadikti pemangkin kopda usaha melatih mekanik secara profesional kepada syarikat pengeluar kereta nasional, Perusahaan Otomobil Nasional (Proton).

"Sejak pernubuhannya pada 1991 akademi memainkan peranan besar dalam mengukuhkan industri pemotor negara. Kami menjadi perintis sejarah dengan arus perkembangan teknologi industri automotif yang semakin berkembang pesat," katanya.

BEKAS pelajar Akademi Saga kini
Pembantu Bengkel Proton Edar Sdn. Bhd.
Hilim Mohamed (kiri) bersama anaknya,
Mohammad Amriul Alizat mengikuti
jejaknya menyambung pengajian di
akademi yang sama.



PENGARAH Urusan Lon G Setia Auto Sdn. Bhd. Muhidzil Ali bergambar di hadapan bangunan syarikat miliknya di Shah Alam, Selangor. Beliau merupakan bekas pelajar Akademi Saga yang berjaya menjadidi usahawan.



BEKAS pelajar Akademi Saga, Mohd. Irwan Salim (tengah) kini bertanggungjawab melatih pekerja-pekerja baharu di Pusat Kompleks Kecemerlangan Proton Edar Sdn. Bhd di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.